

No. Syarikat: 12557 W

**PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD**

**(12557 - W)**

**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan Para Pengarah dan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit**

**Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2006**

No. Syarikat: 12557 W

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Syarikat: 12557 W  
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

MUKASURAT

LAPORAN PARA PENGARAH	1 - 12
PENYATA PARA PENGARAH	13
AKUAN BERKANUN	13
LAPORAN JURUAUDIT	14
LEMBARAN IMBANGAN	15
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	16
PENYATA PENDAPATAN	17
AKAUN HASIL INSURANS AM	18
PENYATA ALIRAN TUNAI	19 – 20
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	21 - 48

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan ringkas Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2006.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat terlibat terutamanya dalam pengunderaitan semua kelas perniagaan insurans am.

Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	14,389
Keuntungan terkumpul dibawa ke hadapan	<u>52,566</u>
	66,955
Dividen	<u>(8,000)</u>
Keuntungan terkumpul dihantar ke hadapan	<u><u>58,955</u></u>

DIVIDEN

Sejak 30 September 2005, Syarikat telah membayar dividen interim pada 12 Jun 2006 sebanyak 8.00 sen sesaham dikecualikan cukai berjumlah RM8,000,000 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2006.

Para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan semasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada apa-apa pindahan matan kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN BELUM DIBAYAR

Sebelum penyata pendapatan dan lembaranimbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan secukupnya telah dibuat bagi tuntutan kena dibayar, termasuk Tuntutan yang Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan (IBNR).

### HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan sepatutnya telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang menyebabkan amaun yang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau peruntukan yang diambil untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara.

### ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai di dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang dianggap boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai berkaitan aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

### KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada ke atas aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak bersesuaian.

### LIABILITI BERSYARAT DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud :

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti bersyarat berhubung dengan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti bersyarat atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan secara berkesan keupayaan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawabnya apabila tiba masanya kelak.

Bagi tujuan perenggan ini, liabiliti bersyarat atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans dalam perjalanan urusanniaga biasa Syarikat.

### PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

### BUTIRAN YANG BERSIFAT LUAR BIASA

Pada pendapat Para Pengarah, keputusan kendalian Syarikat sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa selain daripada yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

Tiada sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang telah timbul sepanjang tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang pada pendapat Para Pengarah, berkemungkinan menjejaskan keputusan kendalian Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

### PARA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan terakhir ialah :

Y. Bhg.Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth  
En. Chan Thye Seng  
En. Michael Yee Kim Shing  
En. Ong Eng Soon  
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin  
En. Abdul Rahman Bin Talib

Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965, Y. Bhg. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh sebab layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

Menurut Tataurusan 75 Tataurusan Persatuan Syarikat, Y.Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin dan En. Ong Eng Soon bersara daripada Lembaga Pengarah mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Syarikat menjadi pihak yang matlamatnya ialah untuk membolehkan Para Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, selain daripada opsyen saham yang diberikan kepada Para Pengarah yang layak menurut Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) syarikat induk.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen diterima atau akan diterima dan belum diterima oleh Para Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 15 dan 16 kepada penyata kewangan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana ianya adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham Para Pengarah, kepentingan Para Pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang berikut :

Bilangan Saham Biasa Pada RM1.00 Setiap Satu

<u>Syarikat</u>	<u>Pada</u> 1 Oktober <u>2005</u>	<u>Belian</u>	<u>Dividen</u> <u>Saham*</u>	<u>Jualan</u>	<u>Pada</u> 30 September <u>2006</u>
En. Chan Thye Seng - Kepentingan tidak langsung	100,000,000	-	-	-	100,000,000
<u>Pacific &amp; Orient</u> <u>Berhad (Syarikat</u> <u>Induk)</u>					
En. Chan Thye Seng - Kepentingan langsung	7,867,854	-	452,871	110,000	8,210,725
- Kepentingan tidak langsung	50,172,787	-	2,888,260	1,392,000	51,669,047
En. Michael Yee Kim Shing - Kepentingan tidak langsung	1,188,000	-	57,466	275,200	970,266
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin - Kepentingan tidak langsung	2,468,571	-	131,566	300,000	2,300,137

No. Syarikat: 12557 W

### KEPENTINGAN PARA PENGARAH (Samb.)

\* Ini merupakan dua pengagihan saham khazanah oleh syarikat induk sebagai dividen saham berasaskan 1 saham khazanah untuk setiap 35 saham biasa yang sedia ada berbayar penuh pada harga RM1.00 setiap satu, dipegang pada 4 Januari 2006 dan 16 Jun 2006.

Tambahan kepada di atas, Para Pengarah berikut dianggap mempunyai kepentingan di dalam saham Syarikat sehingga tahap ESOS yang telah diberikan kepada mereka oleh syarikat induk pada 5 April 2003:

#### Bilangan Opsyen Saham Dibawah ESOS Pada RM1.00 Setiap Satu

<u>Nama para pemegang opsyen</u>	<u>Harga Laksana RM</u>	<u>Pada 1 Oktober 2005</u>	<u>Diberikan</u>	<u>Dilaksanakan</u>	<u>Pada 30 September 2006</u>
En. Chan Thye Seng	1.27	900,000	-	-	900,000
En. Ong Eng Soon	1.27	850,000	-	-	850,000
En. Abdul Rahman Bin Talib	1.27	850,000	-	-	850,000

En. Chan Thye Seng, oleh kerana kepentingannya di dalam syarikat induk, adalah dianggap mempunyai kepentingan di dalam saham semua syarikat subsidiari di dalam Kumpulan Pacific & Orient Berhad sehingga tahap dimana syarikat induk mempunyai kepentingan.

Para Pengarah lain yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam saham Syarikat atau syarikat berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

### URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan telah mempertimbangkan 'Rangka Kerja Berhemat Urus Tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans' ("Rangka Kerja") [(JPI/GPI 25) (Disatukan)] yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan telah mengkaji semua keadaan struktur dan prosedur urus tadbir korporat Syarikat. Mereka berpendapat bahawa Syarikat secara amnya telah mematuhi kesemua aplikasi preskriptif dalam Rangka Kerja tersebut.

#### Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keatas urus tadbir keseluruhan Syarikat dan melaksanakan tanggungjawab ini menerusi pematuhan kepada Akta Insurans 1996, Peraturan Insurans 1996 dan garis panduan BNM JPI/GPI 1 Piawaian Minimum untuk Pengurusan Syarikat Insurans yang Berhemat Disatukan dan JPI/GPI 25 (Disatukan) serta direktif-direktif lain, tambahan kepada mengambilguna amalan-amalan terbaik dalam urus tadbir korporat.

Komposisi Lembaga, Kehadiran dan Mesyuarat-mesyuarat

Pada 30 September 2006, Lembaga Pengarah terdiri daripada enam Pengarah dengan pelbagai kemahiran dan pengalaman. Terdapat keseimbangan didalam Lembaga diwakili oleh kehadiran dua Pengarah Eksekutif dan Bukan Bebas, tiga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif dan satu Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif. Pada tahun kewangan semasa, kehadiran Pengarah di mesyuarat-mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut:

	<u>Kehadiran</u>
Y. Bhg. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth (Pengerusi) Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	6/6
En. Chan Thye Seng Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif	6/6
En. Michael Yee Kim Shing Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	6/6
En. Ong Eng Soon Pengarah Bukan Bebas, Eksekutif	6/6
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	6/6
En. Abdul Rahman Bin Talib Pengarah Bukan Bebas, Ketua Pegawai Eksekutif	6/6

Sebagai melanjutkan peranannya, Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab tertentu kepada empat Jawatankuasa Lembaga:

- (a) Jawatankuasa Audit
- (b) Jawatankuasa Pencalonan
- (c) Jawatankuasa Imbuhan
- (d) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa-jawatankuasa di atas mempunyai kuasa untuk memeriksa isu-isu penting dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah dengan cadangan-cadangan mereka. Tanggungjawab muktamad untuk keputusan terakhir bagi semua usul terletak dengan pihak Lembaga.

Kenyataan Tanggjawab Pengarah

Para Pengarah dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 untuk menyediakan penyata kewangan untuk setiap tahun yang telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia dan memberi gambaran benar dan saksama ke atas kedudukan kewangan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan serta aliran tunai Syarikat untuk tahun kewangan tersebut.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang mendedahkan dengan ketepatan yang munasabah, kedudukan kewangan Syarikat dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata



No. Syarikat: 12557 W

### Kenyataan Tanggungjawab Pengarah(Samb.)

kewangan mematuhi Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Paduan / Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah wajar yang berpatutan untuk menjaga aset Syarikat dan untuk mencegah dan mengenalpasti penipuan dan ketaknalaran lain.

### Kebertanggungjawaban Pengurusan

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang telah didokumenkan dan dikemaskinikan, dengan garis pelaporan yang jelas dan deskripsi kerja untuk pekerja-pekerja pengurusan dan eksekutif. Tambahan kepada itu, terdapat juga polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang telah dicatatkan dengan sebaiknya didalam buku-buku kendalian untuk kesemua fungsi penting Syarikat.

### Kebebasan Korporat

Urusniaga-urusniaga dengan pihak berkaitan, sekiranya ada, akan didedahkan kepada Lembaga dan ianya adalah berdasarkan terma dan syarat yang tiada kelebihan daripada yang tersedia ada bagi urusniaga yang sama dengan pelanggan-pelanggan Syarikat yang lain.

### Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Perusahaan

Para Pengarah mengiktiraf tanggungjawab mereka ke atas sistem kawalan dalaman yang diselenggarakan oleh Syarikat dan dalam mengkaji semula keberkesanannya. Ruang lingkup kawalan dalaman merangkumi bukan sahaja kawalan kewangan tetapi juga kawalan kendalian dan pematuhan serta juga pengurusan risiko perusahaan.

Pengurusan risiko perusahaan meliputi pelan pemulihan perniagaan sekiranya perniagaan tergendala, kecukupan program insurans semula persediaan dan ujian tekanan separuh tahun untuk mengenalpasti punca-punca ancaman. Syarikat telah melaksanakan rangkakerja pengurusan risiko perniagaan menerusi penggunaan kad kiraan mata risiko korporat untuk bertindak dulu dalam mengenalpasti dan mengurus risiko secara berkesan untuk mencapai objektif perniagaan Syarikat. Jawatankuasa Pengurusan Risiko menerima laporan tetap daripada Pengurusan untuk membantu Lembaga mengawasi risiko yang telah dikenal pasti. Terdapat prosedur-prosedur untuk kedua-dua juruaudit dalaman dan luar untuk melaporkan pendapat dan cadangan mereka kepada Lembaga, Jawatankuasa Audit dan pihak pengurusan. Semua aspek sistem kawalan dalaman adalah tertakluk kepada kajian semula berterusan untuk memastikan kecukupan dan keberkesanannya.

### Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga

#### 1. Jawatankuasa Audit

Kehadiran ahli-ahli di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga(Samb.)

Keahlian:

Kehadiran

En. Michael Yee Kim Shing (Pengerusi)	4/4
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin	4/4
Y. Bhg. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth	4/4

Fungsi dan Tugas

- (i) Mengkaji semula dan membuat cadangan untuk kelulusan Lembaga, Piagam Audit Dalam yang mentakrifkan kebebasan, tujuan, kuasa, ruang lingkup dan tanggungjawab fungsi audit dalaman Syarikat.
- (ii) Mengkaji semula dan melaporkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berikut:
  - (a) Koordinasi dengan Juruaudit Luar, termasuk perkara-perkara mengenai pelan audit, yuran, laporan juruaudit, surat pengurusan dan perhubungan dengan Audit Dalam.
  - (b) Kebebasan dan keobjektifan fungsi audit dalaman serta menentukan pelan audit tahunan mereka, liputan terperinci untuk bahagian-bahagian kritikal, fungsi utama dan ketersediaan sumber. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa kualiti tertinggi dan pematuhan kepada piawaian-piawaian audit dalaman diikuti dan segala penemuan, termasuk penemuan dari penyiasatan khusus diselesaikan dalam masa yang berpatutan.
  - (c) Keputusan suku tahun dan tahunan Syarikat sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Jawatankuasa Audit memastikan penerbitan penyata kewangan dan penyerahan penyata-penyata berkanun kepada BNM dilakukan dengan secepat mungkin.
  - (d) Kesesuaian apa-apa urusanniaga dengan pihak berkaitan dan potensi untuk kewujudan situasi konflik kepentingan, termasuk apa-apa urusanniaga, prosedur dan jalan kelakuan yang boleh menimbulkan keraguan mengenai integriti pihak pengurusan.
- (iii) Menyediakan Laporan Jawatankuasa Audit untuk diserahkan kepada BNM, tidak lewat dari 31 Januari setiap tahun merangkumi komposisi Jawatankuasa, bilangan mesyuarat yang diadakan dan kehadiran ahli, serta juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit dan fungsi Audit Dalam sepanjang tahun.
- (iv) Mengkaji semula sama ada segala keperluan preskriptif dan amalan terbaik yang ditetapkan oleh JPI/GPI 25 ( Disatukan) telah dipatuhi.

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga(Samb.)

- (v) Menjalankan sebarang kerja-kerja lain yang ditetapkan atau dikuasakan oleh undang-undang berkanun atau garis panduan yang diterbitkan oleh pihak berkuasa kerajaan atau badan berkuasa berperaturan yang berkenaan.

2. Jawatankuasa Pencalonan

Kehadiran ahli-ahli di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:

Keahlian:

	<u>Kehadiran</u>
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin (Pengerusi)	3/3
En. Michael Yee Kim Shing	3/3
Y. Bhg. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth	3/3
En. Abdul Rahman Bin Talib	3/3
En. Chan Thye Seng	3/3

Fungsi dan Tugas

- (i) Menyeliakan, melalui satu proses penilaian tahunan, komposisi menyeluruh Lembaga berkenaan bilangan pengarah, keseimbangan diantara Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Bebas, campuran kemahiran, kepakaran dan pengalaman serta kecekapan-kecekapan lain yang diperlukan.
- (ii) Mencadangkan dan menilai calon-calon untuk menjadi Pengarah Syarikat, Para Pengarah untuk memenuhi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga serta calon-calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif.
- (iii) Menubuhkan mekanisma bagi penilaian formal akan keberkesanan Lembaga secara menyeluruh, sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga, serta juga sumbangan pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif. Kesemua penilaian ini dilaksanakan pada setiap tahun.
- (iv) Mencadangkan kepada Lembaga, pelucutan Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya beliau didapati tidak efektif, menyeleweng atau lalai dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
- (v) Mengenalpasti dan mencadangkan program-program yang sesuai untuk memastikan Para Pengarah yang sedia ada menerima latihan berterusan atau peningkatan pengetahuan terutamanya berkaitan dengan perkembangan peraturan dari masa ke masa.

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga(Samb.)

- (vi) Menyeliakan perlantikan, perancangan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi pegawai-pegawai kanan utama, dan mencadangkan pelucutan pegawai-pegawai kanan utama kepada Lembaga sekiranya mereka didapati tidak efektif, menyeleweng atau lalai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Pada pendapat Jawatankuasa, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai campuran kemahiran, pengalaman dan kualiti lain yang bersesuaian dengan keperluan Syarikat.

3. Jawatankuasa Imbuhan

Kehadiran ahli-ahli di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan adalah seperti berikut:

Keahlian:

	<u>Kehadiran</u>
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin (Pengerusi)	1/1
En. Michael Yee Kim Shing	1/1
Y. Bhg. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth	1/1
En. Chan Thye Seng	1/1

Fungsi dan Tugas

- (i) Menentukan dan mencadangkan untuk kelulusan Lembaga, rangka kerja atau polisi luas berkenaan dengan syarat-syarat pekerjaan dan imbuhan bagi Para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Rangka kerja/polisi-polisi ini selaras dengan keperluan JPI/GPI 1 (Disatukan)- Piawaian Minimum untuk Pengurusan Syarikat Insurans yang Berhemat.
- (ii) Mencadangkan kepada Lembaga pakej-pakej imbuhan bagi Para Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Pakej-pakej imbuhan bagi Para Pengarah Eksekutif distrukturkan supaya dapat menghubungkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu untuk menggalakkan prestasi pencapaian yang tinggi.
- (iii) Mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga, imbuhan bagi Para Pengarah Bukan Eksekutif, menurut batasan yang ditetapkan oleh pemegang saham. Pengarah Bukan Eksekutif berkenaan mengecualikan diri daripada perbincangan mengenai imbuhan beliau. Imbuhan bagi Pengarah Bukan Eksekutif patut mencerminkan tahap tanggungjawabnya dan sumbangan yang dibuat terhadap keberkesanan Lembaga.

4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Kehadiran ahli-ahli di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:

Keahlian:

	<u>Kehadiran</u>
Y. Bhg. Dato' Abu Hanifah Bin Noordin (Pengerusi)	5/5
En. Michael Yee Kim Shing	5/5
Y. Bhg. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth	5/5
En. Chan Thye Seng	5/5

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan untuk menyeliaikan pembentukan rangka kerja pengurusan risiko perusahaan yang efektif dan untuk mengawasi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Menurut rangka kerja pengurusan risiko, satu Jawatankuasa Kerja Penilaian Risiko telah ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam mengenalpasti, menaksir dan mengawasi risiko penting yang dihadapi oleh semua unit perniagaan, jabatan serta juga untuk memastikan bahawa proses pengurusan risiko berjalan seperti biasa dan berfungsi secara efektif sepanjang masa.

Fungsi dan Tugas

- (i) Mengkaji semula dan mencadangkan strategi dan polisi pengurusan risiko serta tahap toleransi risiko bagi kelulusan Lembaga.
- (ii) Mengkaji semula dan menaksir kecukupan polisi pengurusan risiko dan rangka kerja untuk mengenalpasti, mengukur, mengawas dan mengawal risiko serta juga memastikan setakat mana ianya beroperasi secara efektif.
- (iii) Memastikan terdapat infrastruktur, sumber dan sistem yang secukupnya bagi pengurusan risiko yang efektif iaitu menentukan kakitangan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko menjalankan tugas tersebut bebas daripada aktiviti pengambilan risiko penanggung insurans.
- (iv) Mengkaji semula laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan kepada risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

No. Syarikat: 12557 W

SYARIKAT INDUK DAN SYARIKAT INDUK UTAMA

Para Pengarah menganggap Pacific & Orient Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk dan syarikat induk utama.

JURUAUDIT

Ernst & Young bersara dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak  
Lembaga menurut resolusi  
Para Pengarah

GEN (B) TAN SRI DATO'  
MOHD GHAZALI BIN DATO'  
MOHD SETH

ABDUL RAHMAN BIN TALIB

Kuala Lumpur  
Bertarikh: 30 November 2006

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PARA PENGARAH

Kami, GEN (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI BIN DATO' MOHD SETH dan ABDUL RAHMAN BIN TALIB, selaku dua orang daripada Para Pengarah PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 hingga 48 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia oleh MASB dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 bagi memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung kedudukan kewangan Syarikat pada 30 September 2006 dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak  
Lembaga Pengarah menurut resolusi  
Para Pengarah

GEN (B) TAN SRI DATO'  
MOHD GHAZALI BIN DATO' MOHD SETH

ABDUL RAHMAN BIN TALIB

Kuala Lumpur  
Bertarikh : 30 November 2006

AKUAN BERKANUN

Saya, ABDUL RAHMAN BIN TALIB, selaku Pengarah yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 15 hingga 48 sebaik-baik kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh nama )  
yang tersebut di atas ABDUL RAHMAN BIN TALIB )  
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan )  
pada 30 November 2006 ) ABDUL RAHMAN BIN TALIB

Di hadapan saya:

Pesuruhjaya Sumpah  
Kuala Lumpur

No. Syarikat:12557 W

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG SAHAM  
PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 15 hingga 48. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Pengarah-Pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk membentuk pendapat bebas, berdasarkan audit kami keatas penyata kewangan dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai satu badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan kepastian munasabah tentang samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang material. Sesuatu audit juga meliputi pemeriksaan, berdasarkan kepada ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan dalam penyata kewangan berkenaan. Sesuatu audit juga meliputi penaksiran terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia oleh MASB untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Syarikat pada 30 September 2006 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambil kira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod lain dan daftar-daftar yang diperlukan menurut Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta tersebut.

Ernst & Young  
AF : 0039  
Akauntan Berkanun

Habibah bte Abdul  
No. 1210/05/08(J)  
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia  
Bertarikh: 30 November 2006



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2006

ASET	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	3	13,468	14,673
Cukai tertunda	4	5,790	4,689
Pelaburan	5	502,692	489,942
Penghutang	6	17,485	18,112
Tunai dan baki di bank		4,005	3,878
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>543,440</u>	<u>531,294</u>
 <b>LIABILITI</b>			
Peruntukan bagi tuntutan belum dibayar	7	276,933	260,982
Pemiutang	8	9,998	9,866
Pemiutang sewa beli	9	797	1,016
Peruntukan cukai		-	2,558
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>287,728</u>	<u>274,422</u>
 Rizab premium tidak terperoleh	 10	 <u>96,757</u>	 <u>104,306</u>
 <b>DANA PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	11	100,000	100,000
Keuntungan Berkumpul		58,955	52,566
		<u>158,955</u>	<u>152,566</u>
 <b>JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM</b>		 <u>543,440</u>	 <u>531,294</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2006

	<u>Nota</u>	<u>Modal Saham</u> RM'000	<u>Keuntungan</u> <u>Terkumpul</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Pada 1 Oktober 2004		100,000	51,565	151,565
Keuntungan bersih bagi tahun		-	14,001	14,001
Dividen	12	-	(13,000)	(13,000)
Pada 30 September 2005		100,000	52,566	152,566
Keuntungan bersih bagi tahun		-	14,389	14,389
Dividen	12	-	(8,000)	(8,000)
Pada 30 September 2006		100,000	58,955	158,955

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Hasil kendalian	13	<u>260,601</u>	<u>260,302</u>
Pendapatan pelaburan	14	529	594
Perbelanjaan pengurusan	15	<u>(5)</u> 524	<u>(6)</u> 588
Pindahan dari akaun Hasil Insurans Am		<u>17,976</u>	<u>19,516</u>
Keuntungan sebelum cukai		18,500	20,104
Perbelanjaan cukai pendapatan	17	<u>(4,111)</u>	<u>(6,103)</u>
Keuntungan bersih bagi tahun		<u>14,389</u>	<u>14,001</u>
Pendapatan asas sesaham (sen)	18	<u>14.39</u>	<u>14.00</u>
Dividen sesaham (sen) 8.00sen dikecualikan cukai (2005: 18.06 sen ditolak 28% cukai)	12	<u>8.00</u>	<u>13.00</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS AM BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2006

Nota	KEBAKARAN		MOTOR		MARIN, UDARA DAN TRANSIT		LAIN-LAIN		JUMLAH		
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	
<b>Hasil kendalian</b>	<b>13</b>								<b>260,072</b>	<b>259,708</b>	
Premium kasar	13	3,038	3,247	186,654	195,986	1,767	1,197	42,913	41,802	234,372	242,232
Insurans semula		(1,587)	(1,700)	(10,806)	(11,556)	(1,481)	(826)	(31,894)	(29,886)	(45,768)	(43,968)
Premium bersih		1,451	1,547	175,848	184,430	286	371	11,019	11,916	188,604	198,264
Kurangan / (tambahan) dalam rizab premium tidak terperoleh	10	111	9	8,640	(14,790)	10	37	(1,212)	(1,034)	7,549	(15,778)
Premium terperoleh		1,562	1,556	184,488	169,640	296	408	9,807	10,882	196,153	182,486
Tuntutan bersih kena dibayar	19	(129)	(937)	(154,660)	(129,935)	(94)	(180)	(868)	(798)	(155,751)	(131,850)
Komisen bersih		86	(91)	(16,915)	(17,742)	40	(19)	(1,825)	(2,161)	(18,614)	(20,013)
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		(43)	(1,028)	(171,575)	(147,677)	(54)	(199)	(2,693)	(2,959)	(174,365)	(151,863)
Perbelanjaan pengurusan	15	1,519	528	12,913	21,963	242	209	7,114	7,923	21,788	30,623
Defisit pengunderaitan										(33,028)	(32,169)
Pendapatan pelaburan	14									(11,240)	(1,546)
Pendapatan kendalian lain - bersih	20									25,700	17,476
Keuntungan daripada operasi										3,575	3,657
Kos pembiayaan	21									18,035	19,587
Pindahan ke Penyata Pendapatan										(59)	(71)
										17,976	19,516

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u>	<u>2005</u>
		RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KENDALIAN</b>			
Keuntungan sebelum cukai		18,500	20,104
Pelarasan untuk :			
Susutnilai		1,363	1,377
Pelunasan premium selepas ditolak pertambahan diskaun		746	244
Keuntungan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan		(2)	(117)
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira		6	1
(Masuk kira semula)/elaun untuk pengurangan dalam nilai pelaburan		(1,800)	896
Pengurangan kekal dalam nilai pelaburan		6,865	412
Keuntungan dari pelupusan pelaburan		(8,323)	(4,495)
Pampasan ketidakhadiran jangka pendek berkumpul		11	10
Pendapatan dividen		(10,367)	(2,991)
Pendapatan faedah		(14,952)	(13,734)
Pendapatan dari bon korporat berunsurkan Islam		(1,284)	(1,181)
Elaun untuk hutang ragu		168	684
(Kurangan)/tambahan dalam rizab premium tidak terperoleh		(7,549)	15,778
Perbelanjaan faedah		53	65
(Kerugian)/ keuntungan kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja		(16,565)	17,053
Perubahan dalam modal kerja:			
Pembelian pelaburan		(5,029)	(49,382)
Perolehan dari pelupusan pelaburan		20,551	62,872
Perolehan dari modal dibayar balik atas pelaburan disebut harga		-	1,600
Tambahan dalam penerimaan jurubank		(89,628)	(77,081)
Kurangan dalam deposit dan penempatan dengan institusi kewangan		64,281	56,981
Kurangan dalam penghutang		3,270	1,173
Tambahan/(kurangan) dalam tuntutan belum dibayar		15,951	(19,793)
Tambahan dalam pemiutang		122	1,844
Tunai digunakan dalam kendalian		(7,047)	(4,733)
Cukai dibayar selepas ditolak pulangan		(7,832)	(10)
Dividen diterima		7,308	2,275
Faedah diterima		14,913	14,176
Pendapatan diterima dari bon korporat berunsurkan Islam		1,219	1,413
Faedah dibayar		(53)	(65)
Tunai bersih dijanakan dari aktiviti kendalian	22	8,508	13,056

PENYATA ALIRAN TUNAI (Samb.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>			
Perolehan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan		23	203
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	3(c)	<u>(150)</u>	<u>(387)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	22	<u>(127)</u>	<u>(184)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Dividen dibayar		(8,000)	(13,000)
Kurangan dalam pemiutang sewa beli		<u>(254)</u>	<u>(252)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	22	<u>(8,254)</u>	<u>(13,252)</u>
Tambahan /(kurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai		127	(380)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	22	<u>3,878</u>	<u>4,258</u>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	22	<u>4,005</u>	<u>3,878</u>
Tunai dan setara tunai terdiri dari:			
Tunai dan baki di bank		<u>4,005</u>	<u>3,878</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 30 SEPTEMBER 2006

1. KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat terlibat terutamanya dalam pengunderaitan semua kelas perniagaan insurans am.

Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

Syarikat ini merupakan syarikat awam berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Syarikat induk dan syarikat induk utama ialah Pacific & Orient Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Bilangan purata pekerja sepanjang tahun kewangan di dalam Syarikat ialah 444 (2005 : 436).

Penyata kewangan ini diluluskan untuk penerbitan menurut resolusi Lembaga Pengarah pada 30 November 2006.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi Piawai Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Aset dan liabiliti perniagaan am dalam lembaran imbangan berkait dengan kedua-dua Dana Insurans Am dan Dana Pemegang Saham.

(b) Rosot nilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Syarikat mengkaji semula nilai dibawa bagi setiap aset untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika wujud tanda tersebut, rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah yang mana lebih tinggi di antara nilai jualan bersih dan nilai dalam penggunaan, diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan terdiskaun.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

(b) Rosot nilai Aset (Samb.)

Kerugian rosot nilai diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan melainkan jika ianya telah dinilai semula. Sebarang kerugian rosot nilai untuk aset yang telah dinilai semula diiktiraf sebagai kurangan penilaian semula sehingga tahap lebih penilaian semula yang belum digunakan sebelumnya. Pembalikan kerugian rosot nilai akan diiktiraf sekiranya kerugian rosot nilai yang dikenakan dalam tahun-tahun sebelumnya tidak lagi wujud atau telah berkurang.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar untuk pengiktirafan dan penilaian rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2(b).

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilai. Tanah pegangan pajak disusutnilai sepanjang tempoh pajakan. Hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilai atas asas garisan lurus untuk menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat bergunanya.

Kadar susutnilai tahunan utama ialah :

Tanah pegangan pajak	Sepanjang jangka masa pajakan selama 92 tahun
Bangunan	2%
Peralatan komputer	10%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat	10%
Perabot, lekapan dan kelengkapan	10%

Pada pelupusan hartanah, loji dan peralatan, perbezaan di antara perolehan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam akaun hasil insurans am.

(d) Pelaburan

(i) Pelaburan hartanah terdiri daripada tanah dan bangunan pegangan kekal dan pegangan pajak yang dipegang kerana potensi pelaburan dan pendapatan sewa. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai, jika ada. Pelaburan hartanah tidak disusutnilaikan.

(ii) Sekuriti pelaburan adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk hasil atau pertumbuhan modal dan biasanya dipegang sehingga tarikh matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Cagamas dinyatakan pada kos diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira pada asas hasil efektif dari tarikh pembelian tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam akaun hasil insurans am.



2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

(d) Pelaburan (Samb.)

Bon jaminan Kerajaan, bon korporat tidak disebut harga dan bon korporat berunsurkan Islam yang membawa penarafan minima "BBB" dan "P3" dinyatakan pada kos diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun dikira pada asas hasil efektif dari tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang bon korporat dengan penarafan yang lebih rendah dinyatakan pada nilai kos atau nilai boleh realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sekuriti disebut harga dan amanah saham dinyatakan pada harga terendah antara kos dan nilai pasaran ditentukan pada asas portfolio agregat, mengikut kategori kecuai jika pengurangan nilai bagi sesuatu pelaburan dianggap kekal, elaun bagi pengurangan tersebut akan dibuat dengan sewajarnya.

Pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai, jika ada.

Pelaburan lain dinyatakan pada kos.

Dasar untuk pengiktirafan dan penilaian rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2(b).

(e) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk yang diketahui dihapuskirakan dan elaun khusus dibuat bagi mana-mana premium motor termasuk baki ejen yang tertunggak untuk tempoh melebihi tiga puluh hari dan premium bukan motor, termasuk baki ejen, broker dan insurans semula yang tertunggak untuk tempoh melebihi enam bulan dari tarikh dimana ianya boleh diterima dan untuk kesemua hutang yang dianggap ragu.

(f) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama yang dianggap perlu dibayar di masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

(g) Ekuiti

Saham biasa direkodkan pada nilai nominal dan diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh dimana ianya diisytiharkan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

(h) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira insurans semula, rizab premium tidak terperoleh, tuntutan kena dibayar dan komisen.

Pendapatan Premium

Premium diiktiraf dalam suatu tempoh kewangan berkait dengan risiko yang ditanggung dalam tempoh kewangan tersebut. Perniagaan persetiaan insurans semula alir masuk diiktiraf berdasarkan makluman berkala yang diterima daripada penanggung insurans penyerah.

Rizab Premium Tidak Terperoleh

Rizab Premium Tidak Terperoleh (UPR) merupakan bahagian pendapatan premium yang tidak terperoleh pada tarikh lembaran imbangan. UPR dikira mengikut asas-asas berikut:

- Kaedah 25% untuk kargo marin, kargo udara dan transit
- Kaedah 1/24 untuk kebakaran, kejuruteraan dan badan kapal marin dengan potongan 15%, bon dan motor dengan potongan 10%, perubatan dengan potongan 10% - 15% dan kesemua kelas perniagaan lain dengan potongan 25% atau komisen benar kena dibayar, yang mana lebih rendah
- Kaedah 1/8 untuk perniagaan persetiaan alir masuk luar negara dengan potongan 20% untuk kos perolehan
- Polisi bukan tahunan dengan tempoh perlindungan melebihi satu tahun dibahagikan mengikut masa sepanjang tempoh risiko tersebut.

Peruntukan untuk Tuntutan

Peruntukan dibuat untuk kos anggaran bagi semua tuntutan termasuk perbelanjaan berkaitan ditolak pemuliharaan insurans semula, berkenaan dengan tuntutan dilaporkan tetapi belum dibayar pada tarikh lembaran imbangan. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan termasuk perbelanjaan berkaitan yang kena dibayar tetapi tidak dilaporkan pada tarikh lembaran imbangan berasaskan corak perkembangan tuntutan kena dibayar sebenar, menggunakan kaedah anggaran matematik.

Kos Perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans setelah ditolak pendapatan diterima daripada penyerahan premium insurans semula, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh-tempoh di mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

(i) Pengiktirafan Pendapatan

- (i) Pendapatan faedah dari pinjaman diiktiraf berdasarkan asas akruan kecuali bagi pinjaman yang dianggap tidak berbayar; iaitu apabila pembayaran balik tertunggak melebihi enam bulan, yang mana, pengiktirafan faedah akan digantung. Selepas penggantungan, faedah diiktiraf berdasarkan asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dijelaskan.
- (ii) Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan kecuali apabila kemungkinan dalam pembayaran sewa telah berlaku dan sewa tersebut masih belum dibayar untuk tempoh melebihi enam bulan, yang mana, pengiktirafan pendapatan sewa akan digantung. Selepas penggantungan, pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dijelaskan.
- (iii) Pendapatan faedah daripada instrumen pasaran wang dan deposit dan penempatan dengan institusi kewangan adalah diiktiraf berdasarkan asas akruan.
- (iv) Pendapatan dividen adalah diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.
- (v) Pendapatan dari bon korporat berunsurkan Islam diiktiraf pada asas akruan.

(j) Pertukaran dan Terjemahan Mata Wang

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran menghampiri kadar semasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing pada tarikh lembaran imbangan diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran menghampiri kadar semasa pada tarikh itu. Kesemua keuntungan atau kerugian pertukaran diambil kira dalam akaun hasil insurans am dan penyata pendapatan.

(k) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar ke atas keuntungan kena cukai untuk tahun tersebut dan dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

(k) Cukai Pendapatan (Samb.)

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, untuk perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Secara prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan, elaun modal belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan ke satu tahap di mana wujudnya kemungkinan keuntungan boleh dicukai boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara tersebut timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang tidak merupakan satu penggabungan perniagaan dan pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dianggarkan akan digunakan di dalam tempoh di mana aset itu direalisasi atau liabiliti itu dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang dikuatkuasakan atau dikuatkuasakan secara substantif pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga akan dicaj atau dikredit secara langsung di dalam ekuiti.

(l) Sewa Beli dan Pajakan

Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli di bawah perjanjian sewa beli dan pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah yang sama kepada amaun rendah di antara dengan nilai saksama dan nilai kini bagi bayaran pajakan minimum pada permulaan perjanjian sewa beli dan pajakan kewangan, tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Liabiliti sepadan termasuk di dalam Lembaran Imbangan sebagai peminjaman. Dalam pengiraan nilai kini bagi bayaran minimum, faktor diskaun digunakan adalah kadar faedah tersirat dalam sewa beli dan pajakan, apabila ia adalah prakti untuk menentukan, jika tidak kadar tambahan peminjaman Syarikat akan digunakan.

Pembayaran Sewa beli dan pajakan diperuntukan di antara kos kewangan dan pengurangan ke atas liabiliti belum jelas. Kos kewangan merupakan perbezaan diantara jumlah sewa beli dan komitmen pemajakan kewangan dengan jumlah nilai saksama bagi aset diperoleh adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan ke atas syarat sewa beli dan pajakan berkenaan boleh menghasilkan kadar pasaran malar berkala dikenakan ke atas baki obligasi bagi setiap tempoh perakaunan.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan berkenaan.

Dasar susutnilai bagi aset sewa beli dan pajakan adalah tekal dengan hartanah, loji dan peralatan boleh disusutnilai seperti diterangkan di dalam nota 2(b).

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

(m) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkenaan diberikan oleh pekerja-pekerja Syarikat. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan yang dibayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja-pekerja yang meningkatkan kelayakan mereka kepada pemampasan dimasa hadapan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit akan diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib

Sebagai diperuntukkan oleh undang-undang, Syarikat membuat caruman terhadap skim pencen nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila dikenakan.

(n) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai mewakili tunai dan baki di bank dan tidak termasuk deposit dan penempatan dengan institusi kewangan. Penyata aliran tunai telah disediakan mengikut kaedah tidak langsung.

(o) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaranimbangan apabila Syarikat terlibat di dalam peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian instrumen-instrumen kewangan ini dinyatakan di dalam penyata-penyata dasar perakaunan individu berkaitan dengan setiap butiran.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan kepada kandungan perjanjian kontrak. Faedah, dividen dan keuntungan atau kerugian berkaitan dengan sesuatu instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai ekuiti dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangkan apabila Syarikat mempunyai hak yang sah dari segi undang-undang untuk melakukan demikian dan berhasrat untuk menyelesaikannya sama ada secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti tersebut secara serentak.

Pendedahan maklumat bagi aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan dengan hak dan obligasi yang timbul daripada kontrak insurans tidak diperuntukkan kerana ianya tidak termasuk dalam skop Piawaian Pelaporan Kewangan 132 : Instrumen Kewangan - Pendedahan dan Pembentangan.

No. Syarikat: 12557 W

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah		Bangunan		Peralatan Kenderaan		Perabot		Jumlah RM'000
	Pegangan Kekal	Pegangan Pajak	Pegangan Kekal	Pegangan Pajak	Peralatan Komputer	Bermotor	Peralatan Pejabat	Lekapan dan Kelengkapan	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	
<u>Kos:</u>									
Pada awal tahun	380	378	278	12,972	12,058	1,884	1,492	2,959	32,401
Penambahan	-	-	-	-	70	48	27	40	185
Pelupusan	-	-	-	-	-	(56)	(10)	-	(66)
Penghapuskiraan	-	-	-	-	(2,972)	-	(118)	-	(3,090)
Pada akhir tahun	380	378	278	12,972	9,156	1,876	1,391	2,999	29,430
<u>Susutnilai Terkumpul:</u>									
Pada awal tahun	-	31	33	3,347	10,254	460	1,192	2,411	17,728
Caj untuk tahun	-	4	5	302	500	373	57	122	1,363
Pelupusan	-	-	-	-	-	(38)	(7)	-	(45)
Penghapuskiraan	-	-	-	-	(2,972)	-	(112)	-	(3,084)
Pada akhir tahun	-	35	38	3,649	7,782	795	1,130	2,533	15,962
<u>Nilai Buku Bersih:</u>									
Pada akhir tahun	380	343	240	9,323	1,374	1,081	261	466	13,468
Pada awal tahun	380	347	245	9,625	1,804	1,424	300	548	14,673
<u>Butiran pada 1 Oktober 2004:</u>									
Kos	380	378	278	12,972	12,064	1,737	1,437	2,873	32,119
Susutnilai terkumpul	-	27	27	3,046	9,740	470	1,138	2,287	16,735
Caj susutnilai untuk tahun berakhir pada 30 September 2005	-	4	6	301	522	349	69	126	1,377

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Samb.)

- (a) Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan ialah kos aset yang telah disusutnilai sepenuhnya tetapi masih digunakan, seperti berikut:

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Peralatan komputer	4,124	6,843
Kenderaan bermotor	24	24
Peralatan pejabat	845	776
Perabot, lekapan dan lengkapan	1,762	1,669
	<u>6,755</u>	<u>9,312</u>

- (b) Nilai buku bersih bagi kenderaan bermotor dimiliki di bawah perjanjian sewa beli adalah RM1,069,000 (2005 : RM1,408,000).

- (c) Dalam tahun semasa, Syarikat telah membeli hartanah, loji dan peralatan melalui :

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Tunai	150	387
Sewa beli	35	365
	<u>185</u>	<u>752</u>

4. CUKAI TERTUNDA

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Pada awal tahun	4,689	4,225
Pindahan kepada penyata pendapatan (Nota 17)	1,101	464
Pada akhir tahun	<u>5,790</u>	<u>4,689</u>

Dipersembahkan setelah pengimbangan berpatutan seperti berikut:

Aset cukai tertunda	6,270	5,331
Liabiliti cukai tertunda	(480)	(642)
	<u>5,790</u>	<u>4,689</u>

4. CUKAI TERTUNDA (Samb.)

Komponen dan pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda semasa tahun kewangan dan tahun lepas sebelum pengimbangan adalah seperti berikut :

Aset Cukai Tertunda Syarikat :

	Rizab Premium Tidak Terperoleh RM'000	Elaun Pengurangan Nilai Pelaburan RM'000	Kerugian Cukai dan Elaun Modal Belum Digunakan RM'000	Jumlah RM'000
<u>2006</u>				
Pada awal tahun	11	5,320	-	5,331
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	2	937	-	939
Perihal sepanjang tahun	3	1,317	-	1,320
Perihal disebabkan perubahan kadar cukai	(1)	(380)		(381)
Pada akhir tahun	13	6,257	-	6,270
<u>2005</u>				
Pada awal tahun	10	4,953	-	4,963
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	1	367	-	368
Pada akhir tahun	11	5,320	-	5,331

Liabiliti Cukai Tertunda Syarikat:

	Elaun Modal Dipercepat RM'000	Jumlah RM'000
<u>2006</u>		
Pada awal tahun	(642)	(642)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	162	162
Perihal sepanjang tahun	116	116
Perihal disebabkan perubahan kadar cukai	46	46
Pada akhir tahun	(480)	(480)
<u>2005</u>		
Pada awal tahun	(738)	(738)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	96	96
Pada akhir tahun	(642)	(642)



5. PELABURAN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Kos :</u>		
<u>Pelaburan hartanah</u>		
Bangunan pegangan kekal	706	706
Tanah dan bangunan pegangan pajak	730	730
	<u>1,436</u>	<u>1,436</u>
<u>Sekuriti pelaburan</u>		
Instrumen pasaran wang :		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	56,976	56,976
Pelunasan premium	(867)	(152)
	<u>56,109</u>	<u>56,824</u>
Bon korporat berunsurkan Islam	20,420	15,391
Pelunasan premium	(227)	(146)
	<u>20,193</u>	<u>15,245</u>
Penerimaan jurubank	<u>256,177</u>	<u>166,549</u>
<u>Sekuriti disebut harga :</u>		
Saham di Malaysia	23,882	49,894
Elaun bagi pengurangan nilai	-	(965)
	<u>23,882</u>	<u>48,929</u>
Waran di Malaysia	983	2,127
Elaun bagi pengurangan nilai	(95)	(930)
	<u>888</u>	<u>1,197</u>
Stok pinjaman tak bercagar boleh tukar tak boleh tebus	-	9,453
Amanah saham	<u>6,573</u>	<u>6,340</u>

5. PELABURAN (Samb.)

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Sekuriti tak disebut harga :		
Saham di Malaysia *	<u>22,696</u>	<u>-</u>
Bon korporat	4,700	9,959
Pelunasan premium setelah ditolak pertambahan diskaun	<u>(156)</u>	<u>(153)</u>
	<u>4,856</u>	<u>9,806</u>
Jumlah sekuriti pelaburan	<u>391,374</u>	<u>314,343</u>
 <u>Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan</u>		
Bank berlesen	109,882	164,176
Syarikat kewangan berlesen	-	9,987
	<u>109,882</u>	<u>174,163</u>
Jumlah pelaburan	<u>502,692</u>	<u>489,942</u>
 <u>Nilai pasaran :</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	56,062	57,749
Bon korporat beunsurkan Islam	20,800	16,008
Saham disebut harga di Malaysia	24,592	48,929
Waran disebut harga di Malaysia	888	1,197
Stok pinjaman tak bercagar boleh tukar tak boleh tebus	-	11,627
Amanah saham	6,624	6,455
Bon korporat tak disebut harga	<u>4,907</u>	<u>9,672</u>

Jumlah nilai pasaran indikatif pelaburan harta benda daripada sebuah syarikat penilai semasa tahun kewangan adalah RM1,215,000 (2005 : RM1,220,000). Tiada jumlah yang dibenarkan untuk kehilangan kerosakan dibuat sebagai menghasilkan sewaan daripada harta benda tersebut adalah sokongan bagi nilai pelaburan.

Deposit dan penempatan berjumlah RM232,000 (2005 : RM384,000) mewakili deposit yang diberikan oleh pihak yang mengambil insuran sebagai cagaran untuk jaminan bon yang dikeluarkan kepada pihak ketiga.

\* Ini berkaitan dengan saham dalam Killinghall (Malaysia) Bhd ("KMB") yang telah dinyahsenaraikan daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad pada 29 Ogos 2006. Di mesyuarat Agung Luar Biasa pada 26 September 2006, pemegang - pemegang saham KMB meluluskan satu resolusi khas untuk menggulung KMB dibawah pembubaran sukarela ahli selaras dengan Seksyen 254 (1) (b) Akta Syarikat Malaysia 1965 . Penyata Aset bagi Anggaran Nilai Boleh Diperolehi dan

PELABURAN (Samb.)

Liabiliti Dijangka Untuk Bertarafan setakat 28 Ogos 2006 dilampirkan kepada Pengisytiharaan Kesolvenan (Borang 66) difailkan oleh KMB dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1 September 2006 menunjukkan lebih sebanyak RM1,017,935,000 selepas menolak dividen bersih sebanyak RM120,388,000 dibayar pada 22 September 2006. Jumlah boleh diterima oleh Kumpulan daripada pembubar dianggarkan sebanyak RM43,671,000. Jumlah ini akan mengakibatkan penerimaan balik kos sepenuhnya sebanyak RM22,696,000 dan baki merupakan lebih ke atas pulangan modal sebanyak RM20,975,000.

Pihak Syarikat berpendapat bahawa urusan ini harus diambil kira dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2006 agar penyata kewangan akan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat. Pada 26 September 2006, tarikh pembubaran KMB, sifat aset telah diubah daripada pelaburan kepada hak untuk menerima tunai masa hadapan daripada pembubar. Dari segi undang-undang, pemegang saham KMB sekarang adalah menyumbang dalam proses pembubaran dan berhak untuk menerima sebahagiannya daripada pulangan aset lebih. Jumlah yang akan diterima daripada pembubar boleh dikira dengan agak tepat berdasarkan aset lebih yang ditunjukkan dalam Penyata Aset pada Anggaran Nilai Boleh Diperolehi dan Liabiliti Dijangka Untuk Bertarafan disediakan secara berkanun oleh para pengarah KMB. Memandangkan fakta tersebut di atas, pembubaran KMB seharusnya dimasukkan dalam penyata kewangan. Sekiranya urusan ini dimasukkan, keuntungan Syarikat sebelum cukai adalah sebanyak RM39,475,000 dan bukannya RM18,500,000.

Walau bagaimanapun, Juruaudit berpendapat bahawa urusan ini tidak layak bagi penyahiktirafan pelaburan Syarikat dalam KMB sebanyak RM22,696,000 dan selaras dengan itu pengiktirafan laba sepadan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2006 sebanyak RM20,975,000 dan jumlah boleh diterima sebanyak RM43,671,000 pada 30 September 2006 adalah tidak wajar.

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, Syarikat mempunyai hak tidak boleh dipertikai dari segi undang-undang kepada aset yang dipegang oleh pembubar yang sebahagian besarnya adalah dalam bentuk tunai. Pihak Syarikat juga merasakan bahawa untuk mengelaskan hak tidak boleh dipertikaikan ini sebagai pelaburan adalah salah dari undang-undang memandangkan bahawa pelaburan tersebut (saham-saham dalam KMB) dari segi teknikal tidak lagi wujud pada tarikh resolusi penggulangan.

Alasan-alasan menyokong pendapat pihak Syarikat telah dibuktikan apabila pembubar pada 23 November 2006 mengisytikarkan pengagihan pertama lebih aset sebanyak RM3.30 setiap saham yang telah diterima oleh Syarikat pada 24 November 2006. Penerimaan sebanyak RM39,701,000 daripada pengagihan mengakibatkan penerimaan balik sepenuhnya kos berjumlah RM22,696,000 dan lebih sebanyak RM17,005,000.

Jumlah ini telah diterima sebelum tarikh penyata kewangan tersebut telah diluluskan pada 30 November 2006 dan ditandatangani selepas tarikh itu. Ia adalah bahagian

5. PELABURAN (Samb.)

yang amat besar daripada jumlah yang dijangka akan diterima daripada pembubar. Oleh yang demikian, ia merupakan peristiwa penting yang boleh dianggap sebagai peristiwa pelaras selepas tarikh lembaran imbangan untuk mengemukakan kedudukan kewangan yang lebih tepat pada 30 September 2006.

Walaupun mengikut alasan-alasan di atas Syarikat tidak bersetuju sekerasnya dengan Juruaudit-juruaudit, memandangkan pendirian tegas mereka, Syarikat dengan dukacitanya menerima pandangan Juruaudit.

Pada tarikh lembaran imbangan, julat kadar faedah berkesan dan tarikh lebih awal diantara tarikh letak harga semula berkontrak dan tarikh matang untuk setiap kelas pelaburan yang menanggung faedah adalah seperti berikut:

	Letak harga semula berkontrak atau tarikh matang (yang mana lebih awal)		Jumlah nilai dibawa RM'000	Julat kadar faedah berkesan setahun %
	Kurang daripada 1 tahun RM'000	1 hingga 5 tahun RM'000		
<u>2006</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5,002	51,107	56,109	3.15-6.51
Penerimaan jurubank	256,177	-	256,177	3.70-4.10
Bon korporat tak disebut harga	-	4,856	4,856	6.42
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	109,882	-	109,882	2.55-4.42
	<u>371,061</u>	<u>55,963</u>	<u>427,024</u>	
<u>2005</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	56,824	56,824	3.15-6.51
Penerimaan jurubank	166,549	-	166,549	2.80-2.91
Stok pinjaman tak bercagar boleh tukar tak boleh tebus	-	9,453	9,453	5.00
Bon korporat tak disebut harga	5,008	4,798	9,806	6.40-6.42
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	174,163	-	174,163	2.50-3.70
	<u>345,720</u>	<u>71,075</u>	<u>416,795</u>	

Kadar keuntungan berkesan bon korporat berunsurkan Islam pada tarikh lembaran imbangan ialah 4.45% hingga 8.15% (2005 : 5.42% hingga 8.15%) setahun.

Tempoh matang bagi bon korporat berunsurkan Islam adalah seperti berikut :

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
1 hingga 5 tahun	<u>20,193</u>	<u>15,245</u>

6. PENGHUTANG

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Penghutang perniagaan :</u>		
Premium tertunggak termasuk baki ejen, broker dan penanggung insurans bersama Hutang daripada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	6,280	7,408
	<u>3,249</u>	<u>5,864</u>
	9,529	13,272
Elaun bagi hutang ragu	<u>(3,129)</u>	<u>(3,033)</u>
	<u>6,400</u>	<u>10,239</u>
<u>Penghutang lain :</u>		
Pendapatan terakru	3,691	3,492
Bahagian aset dipegang oleh Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP)	2,455	2,615
Deposit dan bayaran terdahulu	987	418
Cukai boleh pulih	3,462	852
Lain-lain	490	496
	<u>11,085</u>	<u>7,873</u>
	<u>17,485</u>	<u>18,112</u>

7. PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN BELUM DIBAYAR

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Peruntukan bagi tuntutan belum dibayar	314,186	298,000
Boleh pulih daripada penanggungan insurans semula	<u>(37,253)</u>	<u>(37,018)</u>
Tuntutan bersih belum dibayar	<u>276,933</u>	<u>260,982</u>

Termasuk dalam peruntukan bagi tuntutan belum dibayar ialah amaun sebanyak RM98,837,000 (2005 : RM94,200,000) yang berkaitan dengan peruntukan bersih bagi Tuntutan yang Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan (IBNR) seperti yang ditentukan oleh aktuari profesional bebas.

8. PEMIUTANG

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Pemiutang perniagaan :</u>		
Hutang kepada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	5,452	5,165
Hutang kepada ejen, broker, penanggung insurans bersama dan pemegang insurans	<u>1,172</u>	<u>1,051</u>
	<u>6,624</u>	<u>6,216</u>

8. PEMIUTANG (Samb.)

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Pemiutang lain :</u>		
Hutang kepada :		
- syarikat induk *	40	42
- anak-anak syarikat bersama*	23	169
Akruan	531	497
Deposit bercagar	247	402
Levi Dana Skim Jaminan Insurans (IGSF)	601	503
Premium bayar balik	170	193
Cukai perkhidmatan kena dibayar	221	235
Pampasan ketidakhadiran jangka pendek terkumpul	344	333
Duti setem kena dibayar	685	821
Wang tidak dituntut	177	224
Lain-lain	335	231
	<u>3,374</u>	<u>3,650</u>
	<u>9,998</u>	<u>9,866</u>

\* Amaun terhutang kepada syarikat induk dan anak-anak syarikat bersama adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik tertentu.

9. PEMIUTANG SEWA BELI

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Bayaran minimum masa depan adalah seperti berikut:		
Perlu dibayar dalam tempoh satu tahun	304	303
Perlu dibayar dalam tempoh satu hingga lima tahun	568	838
	<u>872</u>	<u>1,141</u>
Caj pembiayaan	(75)	(125)
	<u>797</u>	<u>1,016</u>
Mewakili pemiutang sewa beli :		
Matang dalam tempoh satu tahun	262	249
Matang selepas satu tahun	535	767
	<u>797</u>	<u>1,016</u>

Pengaturan-pengaturan sewa beli pada tarikh lembaran imbangan menanggung faedah pada kadar diantara 3.90% dan 5.21% (2005 : 4.64% dan 6.33%) setahun.

10. RIZAB PREMIUM TIDAK TERPEROLEH

	<u>Kebakaran</u> RM'000	<u>Motor</u> RM'000	<u>Marin, Udara dan Transit</u> RM'000	<u>Pelbagai</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<u>2006</u>					
Pada awal tahun	915	88,783	134	14,474	104,306
(Kurangan) / tambahan dalam rizab premium tidak terperoleh	(111)	(8,640)	(10)	1,212	(7,549)
Pada akhir tahun	<u>804</u>	<u>80,143</u>	<u>124</u>	<u>15,686</u>	<u>96,757</u>
<u>2005</u>					
Pada awal tahun	924	73,993	171	13,440	88,528
Tambahan / (kurangan) dalam rizab premium tidak terperoleh	(9)	14,790	(37)	1,034	15,778
Pada akhir tahun	<u>915</u>	<u>88,783</u>	<u>134</u>	<u>14,474</u>	<u>104,306</u>

11. MODAL SAHAM

	<u>Bilangan Saham</u>		<u>Amaun</u>	
	<u>2006</u> '000	<u>2005</u> '000	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Saham dibenarkan pada harga RM1.00 setiap satu	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>
Saham biasa diterbitkan dan berbayar penuh pada harga RM1.00 setiap satu	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>

12. DIVIDEN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Dividen interim sebanyak 8.00 sen sesaham dikecualikan cukai berkaitan dengan tahun kewangan semasa, dibayar pada 12 June 2006 (2005: 18.06 sen sesaham ditolak 28% cukai)	<u>8,000</u>	<u>13,000</u>

13. HASIL KENDALIAN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Dana insurans</u>		
Premium kasar	234,372	242,232
Pendapatan pelaburan (Nota 14)	<u>25,700</u>	<u>17,476</u>
	260,072	259,708
<u>Dana pemegang saham</u>		
Pendapatan pelaburan (Nota 14)	<u>529</u>	<u>594</u>
	<u>260,601</u>	<u>260,302</u>

14. PENDAPATAN PELABURAN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Dana insurans</u>		
Dividen kasar :		
- saham disebut harga di Malaysia	3,269	2,693
- saham tak disebut harga di Malaysia*	6,857	-
- amanah saham	241	298
Pendapatan faedah :		
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,875	1,336
- Bon Cagamas	-	1,556
- penerimaan jurubank	6,843	3,034
- bon korporat	420	1,145
- deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	4,285	6,069
Pendapatan dari bon korporat berunsurkan Islam	1,284	1,181
Pendapatan sewa :		
- pihak ketiga	12	36
- anak-anak syarikat bersama	5	5
- syarikat induk	264	264
Pendapatan pelaburan MMIP	91	90
Pendapatan pelaburan lain	-	13
Pelunasan premium selepas ditolak pertambahan diskaun	<u>(746)</u>	<u>(244)</u>
	<u>25,700</u>	<u>17,476</u>
<u>Dana pemegang saham</u>		
Pendapatan faedah :		
- penerimaan jurubank	396	447
- deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	<u>133</u>	<u>147</u>
	<u>529</u>	<u>594</u>

\* Ini berkaitan dengan dividen diterima daripada KMB selepas ianya dinyahsenaraikan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad pada 29 Ogos 2006 terlebih dahulu sebelum permulaan pembubaran pada 26 September 2006.



15. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Dana insurans</u>		
Imbuan Para Pengarah Eksekutif (Nota 16)	878	822
Gaji dan bonus kakitangan	12,032	11,565
Pampasan ketidakhadiran jangka pendek berkumpul	9	10
Kos pencen – Pelan caruman wajib	1,438	1,382
Lain-lain manfaat kakitangan	1,137	1,266
	<u>15,494</u>	<u>15,045</u>
Susutnilai	1,363	1,377
Imbuan juruaudit	90	90
Imbuan Para Pengarah Bukan Eksekutif (Nota 16)	115	115
Elaun hutang ragu	168	684
Pemulihan hutang lapuk	(19)	(54)
Sewa hartanah :		
- pihak ketiga	305	308
- anak syarikat bersama	109	103
Levi IGSF	601	503
Yuran pengurusan kepada syarikat induk	729	672
Caj perkhidmatan panggilan pusat kepada anak syarikat bersama	558	552
Sewa peralatan :		
- pihak ketiga	139	132
- anak syarikat bersama	1,010	1,037
Percetakan dan perbelanjaan EDP	4,703	4,388
Pembangunan perniagaan	1,563	1,180
Caj bank	2,042	2,116
Pentadbiran dan utiliti pejabat	1,634	1,687
Perbelanjaan lain	2,424	2,234
	<u>33,028</u>	<u>32,169</u>
<u>Dana pemegang saham</u>		
Gaji dan bonus kakitangan	3	4
Kos pencen – Pelan caruman wajib	1	1
	<u>4</u>	<u>5</u>
Perbelanjaan lain	1	1
	<u>5</u>	<u>6</u>

16. IMBUHAN PENGARAH

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Dana insurans</u>		
Para Pengarah Eksekutif :		
- Gaji	646	607
- Bonus	82	73
- Kos pencen – Pelan caruman wajib	94	88
- Manfaat barangan	56	49
- Pampasan ketidakhadiran jangka pendek terkumpul	2	-
- Elaun	54	54
	<u>934</u>	<u>871</u>
Para Pengarah Bukan Eksekutif :		
- Yuran	115	115
	<u>1,049</u>	<u>986</u>
 Jumlah imbuhan Para Pengarah		
	<u>1,049</u>	<u>986</u>
 Jumlah Imbuhan Para Pengarah Eksekutif tidak termasuk manfaat barangan	 <u>878</u>	 <u>822</u>

Imbuhan, termasuk manfaat barangan yang dikaitkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat pada tahun semasa ialah RM498,000 (2005 : RM471,000)

17. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Cukai pendapatan :</u>		
Peruntukan tahun semasa	4,970	6,401
Kurangan peruntukan dalam tahun-tahun lepas	242	166
	<u>5,212</u>	<u>6,567</u>
<u>Cukai tertunda (Nota 4) :</u>		
Berkaitan dengan perbezaan masa	(1,436)	(458)
Kurangan/(lebih) peruntukan dalam tahun-tahun lepas	335	(6)
Pindahan dari cukai tertunda	<u>(1,101)</u>	<u>(464)</u>
	<u>4,111</u>	<u>6,103</u>

17. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (Samb.)

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang berkaitan dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai berkesan Syarikat adalah seperti berikut:

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Keuntungan sebelum cukai	18,500	20,104
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2005 : 28%)	5,180	5,629
Pelepasan cukai Kumpulan	(1,972)	-
Kesan pertukaran kadar cukai atas cukai tertunda	111	-
Kurangan peruntukan cukai pendapatan dalam tahun-tahun lepas	242	166
Kurangan / (lebih) peruntukan cukai tertunda dalam tahun-tahun lepas	335	(6)
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(354)	(182)
Perbelanjaan yang tidak diberikan potongan untuk tujuan pencukaian	569	496
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<u>4,111</u>	<u>6,103</u>

\* Ini berkait dengan pelepasan cukai Kumpulan menurut Seksyen 44A Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Pada 30 September 2006, Syarikat mempunyai:

- baki akaun dikecualikan cukai sebanyak lebih kurang RM60,498,000 (2005: RM67,524,000), tertakluk kepada persetujuan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, yang boleh diagihkan.
- kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan baki akaun dikecualikan cukai untuk mengisytiharkan dividen bersih daripada keseluruhan keuntungan terkumpul.

18. PENDAPATAN ASAS SESAHAM (SEN)

Pendapatan asas sesaham biasa Syarikat dikira dengan membahagikan keuntungan bersih sebanyak RM14,389,000 (2005 : RM14,001,000) dengan 100,000,000 saham biasa.

19. TUNTUTAN BERSIH KENA DIBAYAR

	<u>Kebakaran</u>	<u>Motor</u>	<u>Marin, Udara Dan Transit</u>	<u>Pelbagai</u>	<u>Jumlah</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<u>2006</u>					
Tuntutan kasar dibayar					
selepas ditolak sisaan	969	149,198	255	1,621	152,043
Pemulihan insurans semula	(454)	(11,346)	(129)	(314)	(12,243)
Tuntutan bersih dibayar (a)	515	137,852	126	1,307	139,800
Tuntutan bersih belum dibayar :					
Pada akhir tahun (b) (Nota 7)	897	271,975	629	3,432	276,933
Pada awal tahun (c)	(1,283)	(255,167)	(661)	(3,871)	(260,982)
Tuntutan bersih kena dibayar (a+b-c)	129	154,660	94	868	155,751
<u>2005</u>					
Tuntutan kasar dibayar					
selepas ditolak sisaan	912	166,925	190	2,264	170,291
Pemulihan insurans semula	(223)	(17,692)	(73)	(660)	(18,648)
Tuntutan bersih dibayar (a)	689	149,233	117	1,604	151,643
Tuntutan bersih belum dibayar :					
Pada akhir tahun (b) (Nota 7)	1,283	255,167	661	3,871	260,982
Pada awal tahun (c)	(1,035)	(274,465)	(598)	(4,677)	(280,775)
Tuntutan bersih kena dibayar (a+b-c)	937	129,935	180	798	131,850

20. PENDAPATAN KENDALIAN LAIN - BERSIH

	<u>2006</u>	<u>2005</u>
	RM'000	RM'000
<u>Dana insurans</u>		
Keuntungan dari pelupusan :		
- pelaburan	8,323	4,495
- hartanah, loji dan peralatan	2	117
(Kerugian) / keuntungan terealisasi ke atas pertukaran mata wang asing	(3)	1
Pendapatan runcit	324	353
Masuk kira semula / (elaun untuk) pengurangan dalam nilai pelaburan	1,800	(896)
Pengurangan kekal dalam nilai pelaburan	(6,865)	(412)
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	(6)	(1)
	<u>3,575</u>	<u>3,657</u>

21. KOS PEMBIAYAAN

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
<u>Dana insurans</u>		
Faedah sewa beli	53	65
Lain-lain	<u>6</u>	<u>6</u>
	<u>59</u>	<u>71</u>

22. MAKLUMAT SEGMENT ALIRAN TUNAI

	<u>Dana insurans</u>		<u>Dana pemegang saham</u>		<u>Jumlah</u>	
	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Aliran tunai dari:						
Aktiviti kendalian	512	75	7,996	12,981	8,508	13,056
Aktiviti pelaburan	(127)	(184)	-	-	(127)	(184)
Aktiviti pembiayaan	<u>(254)</u>	<u>(252)</u>	<u>(8,000)</u>	<u>(13,000)</u>	<u>(8,254)</u>	<u>(13,252)</u>
	<u>(361)</u>	<u>(361)</u>	<u>(4)</u>	<u>(19)</u>	<u>127</u>	<u>(380)</u>
Tambahan bersih / (kurangan) dalam tunai dan setara tunai	131	(361)	(4)	(19)	127	(380)
Tunai dan setara tunai:						
Pada awal tahun	<u>3,873</u>	<u>4,234</u>	<u>5</u>	<u>24</u>	<u>3,878</u>	<u>4,258</u>
Pada akhir tahun	<u>4,004</u>	<u>3,873</u>	<u>1</u>	<u>5</u>	<u>4,005</u>	<u>3,878</u>

23. KOMITMEN DAN LIABILITI BERSYARAT

(a) Komitmen pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Pembayaran minimum pajakan masa depan adalah seperti yang berikut :		
Tidak lewat daripada satu tahun	716	486
Melebihi satu tahun dan tidak melebihi lima tahun	<u>887</u>	<u>494</u>
	<u>1,603</u>	<u>980</u>

Komitmen pajakan ini mewakili sewaan komputer dan peralatan pejabat.

(b) Komitmen lain dan liabiliti bersyarat

Syarikat mungkin dikehendaki menyumbang sehingga amaun maksimum sebanyak RM582,000 (2005 : RM601,000) dalam tahun kewangan berikutnya kepada Dana Skim Jaminan Insurans.

24. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
(i) Urus niaga dengan syarikat yang berkaitan :		
Pendapatan sewa diterima daripada syarikat induk :		
- Pacific & Orient Bhd	(264)	(264)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dari anak-anak syarikat bersama :		
- P & O Global Technologies Sdn Bhd	61	6
Yuran pengurusan dibayar kepada syarikat induk :		
- Pacific & Orient Bhd	729	672
Sewa pejabat dibayar kepada anak syarikat bersama :		
- P & O Global Technologies Sdn Bhd	109	103
Yuran teknologi maklumat dibayar kepada anak syarikat bersama :		
- P & O Global Technologies Sdn Bhd	2,574	2,719
Caj perkhidmatan panggilan pusat dibayar kepada anak syarikat bersama :		
- P & O Global Technologies Sdn Bhd	558	552
Pajakan peralatan pejabat dibayar kepada anak syarikat bersama :		
- P & O Global Technologies Sdn Bhd	665	701
Sewa peralatan dibayar kepada anak syarikat bersama :		
- P & O Global Technologies Sdn Bhd	345	336
(ii) Urus niaga dengan pihak berkaitan lain :		
Hasil insurans daripada satu kumpulan syarikat yang mana seorang Pengarah, Encik Chan Thye Seng, dianggap mempunyai kepentingan		
- Kumpulan Syarikat Ancom Berhad	<u>395</u>	<u>730</u>

Urusniaga pihak berkaitan telah dijalankan berdasarkan terma dan syarat yang tiada kelebihan daripada yang tersedia ada bagi urusniaga yang sama dengan pihak yang tidak berkaitan.

25. PERISTIWA BERIKUTAN

Seperti yang disebut dalam Nota 5 kepada penyata kewangan, pada 24 November 2006, pihak Syarikat menerima RM39,701,000 daripada pengagihan aset oleh pembubar KMB mengakibatkan penerimaan balik sepenuhnya kos pelaburan berjumlah RM22,696,000 dan keuntungan sebanyak RM17,005,000 berkaitan dengan pelaburan Syarikat dalam KMB. Pengagihan ini tidak diambilkira dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tetapi ianya akan diambilkira untuk tahun kewangan berakhir pada 30 September 2007.

26. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Dasar dan Objectif Pengurusan Risiko Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan yang mencukupi untuk memajukan perniagaan Syarikat disamping menguruskan risiko-risiko pengunderaitan, kredit, kadar faedah, pasaran dan kecairan. Syarikat menguruskan risiko kewangan menerusi kawalan dalaman, prosedur kendalian piawaian, strategi pelaburan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan mematuhi tata tertib dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(b) Risiko Pengunderaitan

Risiko pengunderaitan ialah risiko kerugian yang boleh timbul akibat dari pemilihan dan kelulusan risiko untuk diinsuranskan.

Syarikat menguruskan risiko pengunderaitan menerusi aplikasi garis panduan pengunderaitan yang ketat, yang termasuk pengecualian, had perlindungan, pembebanan dan ketersediaan program insurans semula. Risiko baru ditaksir secara teliti sebelum ianya ditaja jamin dan polisi insurans dikeluarkan.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang boleh timbul akibat dari kemungkinan oleh seseorang penghutang atau pihak bertimbal kepada sesuatu instrumen kewangan. Risiko kredit dikawal melalui aplikasi kelulusan kredit, had kredit, dan prosedur pengawasan. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan perhubungan Syarikat kepada pihak-pihak bertimbal yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi.

Risiko yang timbul dari aktiviti-aktiviti peminjaman dan pelaburan sentiasa diawasi dengan mengambil kira had pelanggan tunggal, pendedahan kepada jenis sektor, penarafan kredit dan tempoh yang tinggal sehingga tarikh matang, menurut garis panduan pelaburan dan had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan ditetapkan oleh BNM.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit ialah nilai dibawa seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan. Syarikat tidak mempunyai sebarang pendedahan yang penting terhadap mana-mana pelanggan atau pihak bertimbal, mahupun ia mempunyai tumpuan risiko kredit berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan.

26. INSTRUMEN KEWANGAN (Samb.)

(c) Risiko Kredit (Samb.)

Pendedahan risiko kredit Syarikat dianalisiskan seperti berikut:

	<u>2006</u>	<u>2005</u>
	RM'000	RM'000
Penarafan bon korporat menurut asas nilai pasaran :		
AA 3	5,412	5,472
AA-	10,204	5,236
A 3	4,907	4,650
A	5,184	10,322
	<u>25,707</u>	<u>25,680</u>

Analisa bon korporat menurut segmen industri :

Hartanah	5,184	5,300
Tenaga	5,412	5,472
Perdagangan/perkhidmatan	10,078	9,886
Minyak dan gas	5,033	-
Pertanian	-	5,022
	<u>25,707</u>	<u>25,680</u>

(d) Risiko Kadar Faedah

Pendapatan Syarikat dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar faedah pasaran oleh kerana kesan perubahan tersebut ke atas aset dan liabiliti yang menanggung faedah.

Syarikat menguruskan risiko ini melalui penaksiran tarikh-tarikh matang yang berlainan untuk aset dan liabiliti dan juga pelaburan semula aset yang menanggung faedah untuk memenuhi keperluan modal kerja jangka masa sederhana hingga jangka panjang.

Sebagai akibat, pengekaln satu campuran berhemat aset dan liabiliti jangka pendek dan panjang yang menanggung faedah serta juga kajian semula berterusan adalah faktor-faktor utama dalam memastikan bahawa pulangan yang dijanakan dari aset yang menanggung faedah dan perbelanjaan yang timbul dari liabiliti yang menanggung faedah adalah sepadan dengan profil risiko instrumen yang terlibat.

(e) Risiko Pasaran

Pendedahan Syarikat kepada risiko pasaran timbul terutamanya dari perubahan dalam harga ekuiti. Risiko kerugian dalam nilai diminimumkan dengan membuat analisa yang diperlukan sebelum membuat keputusan pelaburan serta juga memastikan bahawa pelaburan tersebut diawasi secara berterusan. Pelaburan ekuiti adalah sedia unduk dijual dan Syarikat menguruskan pelupusan pelaburan-pelaburan ini dengan tujuan untuk mengoptimumkan pulangan pada realisasi.



26. INSTRUMEN KEWANGAN (Samb.)

(f) Risiko Kecairan

Syarikat menguruskan aliran tunai kendalian untuk memastikan bahawa semua keperluan pendanaan dipenuhi. Sebagai sebahagian dari pengurusan kecairan keseluruhan yang berhemat, Syarikat mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerjanya.

(g) Derivatif

Pada 30 September 2006, Syarikat tidak berurus niaga di dalam sebarang instrumen derivatif untuk tujuan perlindungan nilai.

(h) Nilai Saksama

Nilai saksama agregat bersih aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak di bawa pada nilai saksama pada lembaranimbangan Syarikat pada akhir tahun kewangan diwakili seperti berikut:

	<u>2006</u>		<u>2005</u>	
	<u>Nilai</u> <u>Dibawa</u> RM'000	<u>Nilai</u> <u>Saksama</u> RM'000	<u>Nilai</u> <u>Dibawa</u> RM'000	<u>Nilai</u> <u>Saksama</u> RM'000
<u>Aset kewangan</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	56,109	56,062	56,824	57,749
Bon korporat berunsurkan Islam	20,193	20,800	15,245	16,008
Saham disebut harga	23,882	24,592	-	-
Stok pinjaman tak bercagar boleh tukar tak boleh tebus	-	-	9,453	11,627
Amanah saham	6,573	6,624	6,340	6,455
Saham tak disebut harga (Nota 5)	22,696	43,671	-	-
Bon korporat tak disebut harga	4,856	4,907	9,806	9,672
<u>Liabiliti kewangan</u>				
Pemiutang sewa beli	797	817	1,016	1,021
Hutang kepada syarikat induk	40	*	42	*
Hutang kepada anak-anak syarikat bersama	23	*	169	*

\* Adalah tidak munasabah untuk menganggarkan nilai saksama amaun terhutang kepada anak-anak syarikat bersama dan syarikat induk terutamanya oleh sebab tidak ada terma pembayaran balik tertentu yang dimasuki oleh pihak-pihak yang terlibat.

26. INSTRUMEN KEWANGAN (Samb.)

(h) Nilai Saksama (Samb.)

Kaedah-kaedah dan andaian yang berikut digunakan untuk menganggarkan nilai saksama bagi kelas-kelas instrumen kewangan yang berikut :

- (i) Tunai dan baki di bank, deposit dan penempatan dengan institusi kewangan, penerimaan jurubank dan penghutang / pemiutang lain

Nilai dibawa menghampiri nilai saksama oleh kerana tempoh matang instrumen kewangan tersebut yang agak pendek.

- (ii) Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas, Bon Korporat berunsurkan Islam dan Bon Korporat Tak Disebut Harga

Nilai saksama Sekuriti Kerajaan Malaysia, bon Cagamas, bon korporat berunsurkan Islam dan bon korporat tak disebut harga adalah nilai indikatif yang didapati dari pasaran peringkat kedua.

- (iii) Sekuriti Pelaburan

Nilai saksama saham, waran dan stok pinjaman tak bercagar boleh tukar tak boleh tebus yang disebut harga adalah ditentukan dengan membuat rujukan kepada harga bida pasaran bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh lembaran imbalan.

- (iv) Amanah Saham

Nilai saksama unit disebut harga dalam dana amanah saham ditentukan dengan membuat rujukan kepada sebut harga pasaran yang diberikan oleh pengurus dana-dana amanah saham.

- (v) Pemiutang Sewa Beli

Nilai saksama pemiutang sewa beli dianggarkan dengan mendiskaunkan jangkaan aliran tunai masa hadapan menggunakan kadar faedah terkini untuk liabiliti yang mempunyai profil risiko yang serupa.